



LAPORAN KAJIAN KEPUASAN
BEKERJA PEJABAT
SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN

1. Tujuan Laporan
2. Latar Belakang Kajian
3. Rasional Kajian
4. Objektif Kajian
5. Penemuan Kajian
6. Pandangan dan Cadangan

TUJUAN LAPORAN

1. Mengemukakan laporan tahap kepuasan bekerja di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN).
2. Mengemukakan syor penambahbaikan dalam mewujudkan kepuasan bekerja di kalangan warga kerja Pejabat SPN.
3. Memenuhi salah satu kriteria di dalam Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang dijalankan setiap dua (2) tahun yang meliputi seluruh Jabatan dan Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor.


LATAR BELAKANG KAJIAN

1. Kajian dijalankan secara manual dengan mengedarkan borang soal selidik kepada setiap warga kerja di Pejabat SPN.

RASIONAL KAJIAN

Konsep kepuasan bekerja ditakrifkan sebagai **sikap individu terhadap tugas yang dilaksanakan** yang merupakan kunci utama dalam mewujudkan persekitaran yang sihat supaya warja kerja akan lebih produktif dan efisien di dalam tugas yang mereka lakukan.

Konsep kajian: Hubungan di antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.




- Kajian kepuasan bekerja diukur berdasarkan 7 aspek pembolehubahbebas dan dibandingkan dengan factor sosio demografi
- Aspek pembolehubah bebas merupakan factor yang mempengaruhi kepuasan kerja dan memberi kesan terhadap motivasi pekerja
- Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan bekerja kakitangan Pejabat SPN.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap kepuasan bekerja secara keseluruhan di kalangan warga kerja Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.
2. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah kepuasan bekerja di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.
3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam mewujudkan kepuasan bekerja di kalangan warga kerja Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.


PENEMUAN KAJIAN

Bahagian A: Maklumat Asas Responden



Analisa:



1. Jumlah keseluruhan responden lelaki adalah 25% manakala responden wanita adalah 75%
2. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah warga kerja dari lingkungan umur 18 – 29 Tahun (44%)



Analisa:

1. Majoriti responden adalah dari Kumpulan Sokongan 1 iaitu seramai 14 orang (87.5%) dan bakinya adalah seramai 2 orang (12.5%) daripada Kumpulan Sokongan 2.
2. Manakala 37.5% adalah responden yang telah berkhidmat kurang dari 5 tahun dan 62.5% adalah responden yang telah berkhidmat lebih 5 tahun


Bahagian B: Pengurusan Organisasi



Analisa:

Secara keseluruhan, warga kerja SPN berpuas hati terhadap pengurusan organisasi

Bahagian C: Kelengkapan Pejabat



Analisa:

Secara keseluruhan, warga kerja SPN berpuas hati terhadap kelengkapan pejabat yang disediakan

PANDANGAN DAN CADANGAN

1. Apakah pandangan anda terhadap SPN secara keseluruhan?
 - Keseluruhannya baik tetapi masih ada ruang untuk penambahbaikan.
 - Sebuah organisasi yang mementingkan kepuasan hati pelanggan dan menjaga kebajikan pekerja.
 - Memperbanyakkan aktiviti luar supaya mengeratkan silaturrahim.
 - Satu jabatan yang sistematik dalam tugas kerja.

2. Apakah cadangan anda untuk menambah baik SPN sebagai sebuah tempat kerja yang kondusif?
 - Beberapa fasiliti perlu diadakan bagi kegunaan warga kerja seperti water dispenser.
 - Ruang kerja yang boleh ditambah baik seperti kebersihan dan kekemasan.
 - Menambah ruang rehat untuk pelbagai aktiviti ketika waktu rehat seperti permainan catur, carom dan lain-lain.
 - Amalan 5S harus dilaksanakan dengan kadar segera.
 - Kerusi perlu ditukar yang lebih selesa.
 - Meluaskan kawasan kerja bagi memudahkan kakitangan menyelesaikan tugas.